

29 SEP 2000

Haji-Persidangan/I

PERSIDANGAN UNTUK TINGKAT PEMAHAMAN MENGENAI PENGURUSAN HAJI

KUALA LUMPUR, 29 Sept (Bernama) -- Setiap negara Islam bertanggungjawab untuk memberi bimbingan dan latihan kepada bakal jemaah dari negara masing-masing sebelum berangkat ke Tanah Suci bagi menunaikan haji, kata Menteri Haji Arab Saudi Dr Iyad Ameen Madani hari ini.

Beliau berkata, kira-kira dua juta umat Islam dari seluruh dunia membanjiri Makkah setiap tahun untuk menunaikan Rukun Islam yang kelima itu.

Dalam hubungan ini, Malaysia dan beberapa negara lain mempunyai program persiapan cukup berkesan yang harus dikongsi bersama dengan negara Islam yang lain.

Jemaah haji dari Malaysia memang diketahui sebagai jemaah yang lengkap dengan semua persiapan bagi menunaikan haji yang diuruskan oleh Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) bagi memperolehi "haji mabrur".

Melalui Tabung Haji yang ditubuhkan 37 tahun lalu, beratus-ratus ribu jemaah dari Malaysia telah menunaikan haji.

Menurut beliau, atas sebab inilah, kira-kira 25 menteri haji serta wakil dari 52 negara berhimpun di sini bagi persidangan antarabangsa pertama mengenai bimbingan haji bagi bertukar-tukar pandangan mengenai cara terbaik membuat persiapan bagi menunaikan haji.

Dr Iyad berkata kerajaan Arab Saudi berpendapat bahawa Malaysia amat sesuai untuk menganjurkan persidangan itu kerana persiapan dan kemudahan untuk tujuan itu telahpun sedia ada.

Kertas kerja yang disediakan oleh Senegal, Turki, Jordan dan Malaysia akan dibentangkan pada persidangan itu dan membolehkan pelbagai pendekatan mengenai pengurusan haji dibincangkan.

Dr Iyad berharap garis panduan yang menyeluruh mengenai persiapan haji dapat dikeluarkan hasil persidangan itu yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok.

Persidangan tiga hari itu ialah anjuran bersama kerajaan Arab Saudi dan Tabung Haji.

Sementara itu, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman berkata adalah satu penghormatan bagi Malaysia untuk menganjurkan persidangan penting seperti itu dan Malaysia berhasrat untuk berkongsi pengalaman Tabung Haji menguruskan jemaah haji.

Beliau berkata: "Ia juga satu kesempatan bagi Tabung Haji untuk mengkaji semula prestasinya dengan tujuan menawarkan perkhidmatan lebih baik kepada jemaah dari Malaysia."

Para peserta persidangan juga akan melawat Melaka Bandaraya Bersejarah bagi menyaksikan dari dekat bagaimana Tabung Haji mengendalikan kursus haji.

"Kami mahu menyaksikan kombinasi penyelidikan dan kerja-kerja luar di sini," kata Dr Iyad.

Dr Iyad yang diiringi oleh Dr Abdul Hamid mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir selama kira-kira setengah jam di pejabat Perdana Menteri di Putrajaya.

Dr Iyad kemudian menghadihkan "kiswah" (kelambu Ka'abah) kepada Dr Mahathir.

Terdahulu, Dr Iyad dan Dr Abdul Hamid merasmikan pameran haji di lobi utama Palace of the Golden Horses Hotel, tempat persidangan itu, sempena persidangan berkenaan.

Mereka juga merasmikan pusat media yang dikendalikan Bernama bagi kemudahan kira-kira 150 wartawan yang membuat liputan acara itu.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan menutup persidangan itu pada Isnin.

-- BERNAMA

NHA MAM FAZ